

SIARAN MEDIA

KKSY: AHLI RASMI CDIO DUNIA

SELAYANG, 30 Oktober 2025 – Kolej Komuniti Selayang (KKSY) mencipta sejarah tersendiri apabila diterima secara rasmi sebagai ahli CDIO Initiative (*Conceive – Design – Implement – Operate*), sebuah rangka kerja pendidikan antarabangsa berprestij yang diasaskan oleh Massachusetts Institute of Technology (MIT) yang berpangkalan di Amerika Syarikat. Keanggotaan ini merupakan pengiktirafan penting terhadap usaha berterusan KKSY dalam memperkukuh kualiti pendidikan dan latihan teknikal (TVET) berasaskan piawaian antarabangsa.

CDIO merupakan pendekatan inovatif yang menekankan pembelajaran berasaskan pengalaman sebenar melalui empat fasa utama — *Conceive* (Mereka Bentuk Konsep), *Design* (Reka Bentuk), *Implement* (Pelaksanaan) dan *Operate* (Pengoperasian). Pendekatan ini memberi penekanan kepada penguasaan teori dan kemahiran teknikal yang seimbang dengan kemahiran insaniah seperti komunikasi, kepimpinan dan kerja berpasukan. Ia kini menjadi model rujukan antarabangsa dalam melahirkan tenaga kerja berkemahiran tinggi, inovatif dan berdaya saing.

Kolej Komuniti Selayang merupakan satu-satunya institusi dalam rangkaian Kolej Komuniti di Malaysia yang diterima sebagai ahli rasmi CDIO, sekali gus memperkukuh kedudukannya sebagai peneraju inovasi dalam pendidikan TVET. Menurut Pengarah KKSY, Tuan Haji Ahmad Rizal Omar,

“Pengiktirafan ini menjadi penanda aras baharu terhadap komitmen kolej dalam memperkasa kurikulum berasaskan amalan industri sebenar. Beliau turut menjelaskan bahawa pendekatan CDIO akan diterapkan dalam pelbagai program utama seperti Diploma Teknologi Seni Permainan, Sijil Rekabentuk Dalaman, Sijil Kulinari dan program-program lain bagi memastikan pelajar dilatih secara holistik dan memenuhi keperluan pasaran kerja semasa”.

Inisiatif ini juga selari dengan aspirasi Kerajaan Malaysia MADANI yang menekankan pembangunan insan holistik, inovasi berterusan dan kecekapan dalam penyampaian pendidikan. Penerapan rangka kerja CDIO secara langsung menyokong agenda kerajaan untuk memperkukuh ekosistem TVET nasional sebagai pemacu kemahiran masa depan dan menjadikan Malaysia sebagai hab pendidikan teknikal bertaraf dunia.

Melalui pelaksanaan CDIO, KKSJ beriltizam melahirkan graduan yang bukan sahaja menguasai aspek teknikal dan kreatif, tetapi juga memiliki nilai profesional, etika kerja yang tinggi serta kesedaran terhadap tanggungjawab sosial dan sejajar dengan nilai-nilai teras Malaysia MADANI.

TAMAT



Untuk maklumat lanjut, sila hubungi:

Ayob Hassan

Unit Komunikasi dan Hubungan Korporat

Kolej Komuniti Selayang

012-2291402



Nama Kolej Komuniti Selayang tersenarai dalam laman sesawang rasmi CDIO



Delegasi KKS Y yang diketuai oleh Pengarah, Tuan Haji Ahmad Rizal Omar ke Asian Regional Meeting: CDIO 2025 di Politeknik Negeri Batam, Indonesia



Sesi pembentangan oleh Kolej Komuniti Selayang dalam Asian Regional Meeting: CDIO 2025 di Politeknik Negeri Batam, Indonesia